Publication: **KOSMO! - Niaga**

Date: **09 November 2009**

Headline: **Pavilion Residences gets responses**

Pavilion Residences dapat sambutan

KUALA LUMPUR – DTZ Nawawi Tie Leung Property Consultants Sdn. Bhd. (DTZ Nawawi), ejen pemasaran eksklusif untuk kediaman mewah Pavilion Residences, berkeyakinan untuk menjual kesemua 163 unit rumah di Menara 1 projek berkenaan yang terletak di tengah-tengah segi tiga emas ibu kota itu dalam masa beberapa bulan akan datang.

Penasihat Pemasaran Kediaman DTZ Nawawi, Eddy TK Wong berkata, ini kerana lebih daripada 50 peratus unit Menara 1 Pavilion Residences telah habis dijual sebelum tarikh pelancarannya.

"Jualan kediaman ini amat memberangsangkan kerana bukan sahaja ia menyediakan ruang berkualiti tinggi dengan rekaan yang menarik tetapi memiliki kepelbagaian dalam kemudahan yang disediakan," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran jualan Menara 1 Pavilion Residences yang diadakan di sini baru-baru ini.

Menara 1 Pavilion Residences merupakan salah satu daripada dua menara kediaman mewah yang terletak di atas pusat beli-belah bertaraf dunia, Pavilion Kuala Lumpur.

Merupakan projek pembangunan bersepadu yang turut meliputi blok pejabat, hotel dan suite mewah, Menara 1 ini adalah bangunan setinggi 43 tingkat yang terbahagi kepada unit rumah yang mempunyai satu sehingga empat bilik tidur, dupleks dan juga penthouse.

Harga purata yang ditawarkan pula ialah antara RM1,400 sehingga RM1,600 setiap kaki persegi.